

Headline	Hari bahagia 42 pasangan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	20	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	765 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 28,253
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,760

## Buat perancangan awal umrah bulan puasa

**Petaling Jaya:** Orang ramai yang mahu menunaikan umrah pada Ramadan akan datang dinasihatkan membuat perancangan awal mulai sekarang bagi mengelak kesesakan serta kemungkinan ditipu agensi pelancongan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kerajaan Arab Saudi menyediakan kawasan terhad untuk 500,000 jemaah di Makkah dan Madinah pada satu masa dan peluang mengerjakan umrah dibuat berdasarkan permohonan yang didaftarkan awal.

"Siapa dulu memohon barang kali diberi keutamaan. Semua agensi pelancongan berurusan secara langsung dengan kerajaan Arab Saudi dan peringatan awal diberikan kepada bakal jemaah supaya perancangan dibuat mulai sekarang," katanya pada Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji 1434 Hijrah, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH) Datuk Ismee Ismail dan Kaunselor Kedutaan Diraja Arab Saudi di Kuala Lumpur, Abdul Malik Mohammed Saleh Fadeel Alshinawi.

Menurutnya, agensi pelancongan perlu bersifat terbuka dan berterus terang dengan bakal jemaah yang meletakkan harapan tinggi untuk mengerjakan ibadat berkenaan.

"Aspek pemantau terhadap agensi pelancongan ini dilakukan pihak yang mengeluarkan lesen iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, bukannya TH," katanya.

Beliau berkata, kerajaan menerusi TH akan terus melaksanakan tanggungjawab memberikan subsidi sebanyak RM5,575 kepada jemaah haji pertama kali.

"Berbanding kos mengerjakan haji ketika ini sebanyak RM15,555, TH masih meletakkan tambang sebanyak RM9,980, bermakna kerajaan menampung subsidi RM96 juta pada tahun ini," katanya.

Katanya, pengurangan kuota 20 peratus ditetapkan kerajaan Arab Saudi terhadap jumlah jemaah haji Malaysia daripada 28,000 kepada 23,000 jemaah masih memberikan imej positif kepada TH sebagai agensi pengurusan haji terbaik.

Pada majlis itu, Jamil Khir turut menyampaikan plak penghargaan TH kepada media yang turut diterima Pengarang Eksekutif (Berita) Harian Metro, Othman Mamat.

Menurutnya, Malaysia menjadi ikon kepada negara lain di dunia dan TH dihormati kerana faktor pengurusan jemaah haji yang cemerlang.



DARI kiri, Zainal Abidin, Jamil Khir dan Othman menyampaikan replika cek bantuan perkahwinan kepada wakil Asnaf Baitulmal MAIWP, Mhd Hafiz (dua kanan) dan pasangan.